

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002**

**SEPTEMBER 2001**

**RPK 533 - Kaedah dan Teknik Penyelidikan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan **Bahagian A** adalah **WAJIB**.  
Pilih **DUA** lagi soalan daripada **Bahagian B**

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

1. Anda ditugaskan untuk menjalankan penyelidikan terhadap sebuah petempatan golongan berpendapatan tinggi yang bertujuan untuk mengumpulkan satu pangkalan data bagi pihak berkuasa tempatan. Pangkalan data ini akan digunakan untuk menilai semula pembekalan perkhidmatan bandar ke kawasan tersebut.. Berpandukan kepada perkara-perkara berikut, jelaskan proses penyelidikan yang perlu dilaksanakan:

- |     |                            |            |
|-----|----------------------------|------------|
| (a) | Jumlah Penduduk            | 6500 orang |
| (b) | Tempoh Kajian              | 6 bulan    |
| (c) | Jumlah Unit Kediaman       | 1100 unit  |
| (d) | Jumlah Unit Bukan Kediaman | 100 unit   |

(25 markah)

2. Penyelidikan merupakan set item berikut:

- (a) Deduksi dan Induksi
- (b) Konsep dan Pembolehubah
- (c) Teori dan Model
- (d) Kaedah Sains dan Pengamatan

Anda dikehendaki menghuraikan perbezaan set item yang disenaraikan di atas dan membincangkan kepentingan setiap satu set item tersebut dalam proses penyelidikan.

(25 markah)

2/-

**BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)**

3. (a) Jelaskan konsep-konsep penyelidikan berikut:
- (i) Kesahan (*validity*)
  - (ii) Kepalsuan Soalselidik (*artificiality*)
  - (iii) Kebolehpercayaan (*reliability*)
  - (iv) Pengoperasian (*operationalisation*)
- (b) Jelaskan maksud dan peranan rangka persampelan dalam penyelidikan.

(25 markah)

4. Berasaskan konsep **kemiskinan**,
- a) Nyatakan takrif nominal konsep tersebut.
  - b) Binakan takrifan yang dapat membantu anda mengoperasikan penyelidikan tentang kemiskinan:
    - (i) Tentukan dimensi-dimensi kemiskinan dan nyatakan.
    - (ii) Sediakan petunjuk-petunjuk untuk dimensi-dimensi tersebut.
    - (iii) Sediakan petunjuk-petunjuk dalam bentuk pembolehubah yang mengukur konsep tersebut.

(25 markah)

5. a) Jelaskan pertalian di antara jenis data/maklumat dengan kaedah analisis statistik
- b) Huraikan perbezaan **utama** di antara kaedah statistik deskriptif dan kaedah statistik inferen

(25 markah)

..3/-

6. Berdasarkan kaedah **bancian** dan **penilaian**,
- a) Jelaskan kepentingan kaedah-kaedah ini dalam penyelidikan bidang perancangan bandar dan wilayah
  - b) Jelaskan **2** kekuatan dan **2** kelemahan **utama** kaedah-kaedah ini
- (25 markah)

-ooo00ooo-

